

## SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN BEKALAN AIR

### A. DOKUMEN UTAMA MENGIKUT KATEGORI PEMOHON

#### (a) Individu

- (i) Borang Permohonan Bekalan Air yang telah dilengkapkan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air yang telah ditandatangani; dan
- (iii) Salinan Kad Pengenalan bagi pemohon warganegara **ATAU** Salinan Pasport bagi pemohon bukan warganegara.

#### (b) Waris (\*melibatkan kes kematian)

- (i) Borang Permohonan Bekalan Air yang telah dilengkapkan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air yang telah ditandatangani;
- (iii) Salinan Kad Pengenalan bagi pemohon warganegara **ATAU** Salinan Pasport bagi pemohon bukan warganegara; dan
- (iv) Salinan Sijil Kematian si mati.

#### (c) Perniagaan/Perkongsian

- (i) Borang Permohonan Bekalan Air yang telah dilengkapkan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air yang telah ditandatangani;
- (iii) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan menurut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*]/Salinan Sijil Pendaftaran Perkongsian yang dikeluarkan menurut Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*]/Salinan Sijil Pendaftaran Perkongsian yang dikeluarkan menurut Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*] (\*yang mana berkaitan); dan
- (iv) Salinan Kad Pengenalan bagi pemilik perniagaan/rakan kongsi (\*yang mana berkaitan) warganegara **ATAU** Salinan Pasport bagi pemilik perniagaan/rakan kongsi (\*yang mana berkaitan) bukan warganegara.

#### (d) Syarikat

- (i) Borang Permohonan Bekalan Air yang telah dilengkapkan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air yang telah ditandatangani;
- (iii) Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]:

  - (aa) Borang 8 – Sijil Pemerbadanan Syarikat Persendirian/Borang 9 – Sijil Pemerbadanan Syarikat Awam (\*yang mana berkaitan);
  - (ab) Borang 13 – Menukar Nama Syarikat (\*sekiranya berkaitan);
  - (ac) Borang 49 – Maklumat Pengarah Syarikat; dan
  - (ad) Profil Korporat Syarikat.

- (iv) Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]  
 (\*mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017):
- (aa) Notis Pendaftaran;
- (ab) Sijil Pernerbadanan; dan
- (ac) Profil Korporat Syarikat.
- (v) Surat Kuasa Wakil bagi membenarkan permohonan bekalan air dikemukakan oleh penama bagi pihak syarikat **ATAU** Salinan Resolusi Lembaga Pengarah yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat bagi maksud melantik penama mengemukakan permohonan bekalan air bagi pihak syarikat;
- (vi) Salinan Kad Pengenalan bagi penama warganegara **ATAU** Salinan Pasport bagi penama bukan warganegara; dan
- (vii) Surat Akujanji daripada pemegang saham syarikat untuk menanggung rugi segala tuntutan SAINS akibat kegagalan syarikat untuk menjelaskan bayaran bil dan semua kos yang bersampingan dengannya.
- (e) Pertubuhan/Koperasi/Badan Berkanun**
- (i) Borang Permohonan Bekalan Air yang telah dilengkapkan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air yang telah ditandatangani;
- (iii) Salinan Sijil Pendaftaran pertubuhan/koperasi/badan berkanun (\*yang mana berkaitan) yang dikeluarkan menurut mana-mana undang-undang bertulis;
- (iv) Surat Kuasa Wakil bagi membenarkan permohonan bekalan air dikemukakan oleh penama bagi pihak pertubuhan/koperasi/badan berkanun (\*yang mana berkaitan); dan
- (v) Salinan Kad Pengenalan bagi penama warganegara **ATAU** Salinan Pasport bagi penama bukan warganegara.
- (f) Kerajaan**
- (i) Borang Permohonan Bekalan Air yang telah dilengkapkan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air yang telah ditandatangani;
- (iii) Surat Pengesahan daripada kementerian/jabatan/agensi yang berkenaan; dan
- (iv) Borang Bayaran Pukal (\*sekiranya berkaitan).

**B. DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT KATEGORI PREMIS**

- (a) Premis Baru Belum Diduduki**
- (i) Salinan Perjanjian Jual Beli yang telah ditandatangani;
- (ii) Salinan dokumen hak milik/cukai tanah/cukai pintu/carian rasmi Pejabat Tanah;
- (iii) Surat Kelulusan Pinjaman Perumahan **ATAU** apa-apa dokumen sokongan lain bagi maksud pembiayaan pembelian premis;
- (iv) Salinan Borang Perakuan Pemeriksaan Sistem Perpaipan yang telah diluluskan; dan
- (v) Salinan Surat Sokongan yang dikeluarkan oleh SAINS bagi maksud pengeluaran Perakuan Siap dan Patuh (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*).

**(b) Premis Baru Belum Diduduki dan Disewa**

- (i) Salinan Perjanjian Penyewaan yang telah ditandatangani dan masih berkuat kuasa;
- (ii) Salinan dokumen hak milik/cukai tanah/cukai pintu/carian rasmi Pejabat Tanah;
- (iii) Salinan Borang Perakuan Pemeriksaan Sistem Perpaipan yang telah diluluskan; dan
- (vi) Salinan Surat Sokongan yang dikeluarkan oleh SAINS bagi maksud pengeluaran Perakuan Siap dan Patuh (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*).

**(c) Premis Sedia Ada Pernah Diduduki, Tetapi Telah Melalui Proses Pelupusan/Urus Niaga Seperti Berikut:**

**(i) Jual Beli**

- (aa) Salinan Perjanjian Jual Beli yang telah ditandatangani;
- (ab) Salinan dokumen hak milik/cukai tanah/cukai pintu/carian rasmi Pejabat Tanah; dan
- (ac) Surat Kelulusan Pinjaman Perumahan **ATAU** apa-apa dokumen sokongan lain bagi maksud pembiayaan pembelian premis.

**(ii) Lelongan Awam**

- (aa) Pengisytiharan Jualan (*Proclamation of Sale*) dan Syarat-Syarat Jualan;
- (ab) Salinan dokumen hak milik/cukai tanah/cukai pintu/carian rasmi Pejabat Tanah; dan
- (ac) Surat Kelulusan Pinjaman Perumahan **ATAU** apa-apa dokumen sokongan lain bagi maksud pembiayaan pembelian premis.

**(iii) Disewa**

- (aa) Salinan Perjanjian Penyewaan yang telah ditandatangani dan masih berkuat kuasa; dan
- (ab) Salinan dokumen hak milik/cukai tanah/cukai pintu/carian rasmi Pejabat Tanah.

**(iv) Pusaka (\*melibatkan kes kematian)**

- (aa) Perintah Mahkamah bagi maksud melantik pentadbir kepada harta si mati; dan
- (ab) Salinan dokumen hak milik/cukai tanah/cukai pintu/carian rasmi Pejabat Tanah.

**(d) Kwarters**

- (i) Salinan Surat Tawaran untuk menduduki kuarters daripada kementerian/jabatan/agensi yang berkenaan; dan
- (ii) Salinan Perjanjian Penyewaan yang telah ditandatangani dan masih berkuat kuasa.

**(e) Bekalan Air Bagi Kerja Pembinaan**

- (i) Salinan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan;
- (ii) Salinan pelan susun atur (*layout plan*) premis yang diluluskan oleh arkitek bertauliah/badan profesional lain yang dibenarkan menurut undang-undang; dan
- (iii) Salinan surat kelulusan untuk menjalankan kerja di tapak oleh pemilik tanah/premis.

**(f) Bekalan Air Bermeter Sementara**

- (i) Surat pemohon berhubung tujuan permohonan bekalan air bermeter sementara beserta dokumen sokongan yang berkaitan mengikut kes.

\* Walau apa pun yang dinyatakan di atas, SAINS berhak untuk memohon dokumen tambahan yang berkaitan atau menggugurkan mana-mana dokumen mengikut kes.